

19/01/2000

Abdullah sifatkan media asing berniat jahat

KAJANG, Selasa - Segelintir rakyat asing termasuk media yang di bawah kawalan mereka memang mempunyai niat jahat terhadap Malaysia, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, mereka mengutuk apa saja yang dilakukan oleh kerajaan termasuk apabila lima anggota parti pembangkang didakwa mengikut Akta Hasutan dan Akta Rahsia Rasmi (OSA) minggu lalu.

Beliau berkata, kecaman pihak asing berkenaan seolah-olah sesiapa saja yang menentang kerajaan di negara ini akan didakwa.

Sehubungan itu, beliau menegaskan Malaysia akan menjaga hal ehwalnya sendiri bagi memastikan ia terus aman dan makmur demi kebaikan rakyat.

"Mereka jaga tepi kain orang saja. Siapa yang buat salah akan didakwa. Apakah kerana seseorang itu menjadi anggota parti pembangkang, dia dibebaskan daripada semua ini (tindakan undang-undang) dan kita tak boleh menahan mereka," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kursus Teknik Sesuai Untuk Pembinaan Jalan Kampung bagi Kontraktor Kelas F di sini, hari ini.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri diminta mengulas laporan dua akhbar Australia semalam yang mengutuk penangkapan pembangkang dan pengarang Harakah baru-baru ini serta menyifatkannya sebagai bukti Malaysia, sebuah negara yang memandang ke belakang.

Akhbar The Australian menyifatkan tindakan itu akan menjejaskan pelaburan asing dan menuduh kerajaan mengamalkan taktik mengugut bagi menakut-nakutkan pengkritiknya.

Jurucakap Jabatan Negara Amerika, James Foley, pula dilaporkan berkata, kes berkenaan akan diikuti sama ada dari dalam Malaysia dan seluruh dunia, khususnya sama ada mereka diberi layanan adil mengikut prinsip undang-undang.

Abdullah berkata, dakwaan terhadap mereka terbabit bukan dibuat secara berpilih seperti andaian sesetengah pihak, malah bukan Dr Mahathir yang mendakwa mereka.

Beliau juga menolak andaian bahawa pendakwaan itu akan menjejaskan kedatangan pelabur asing ke negara ini.

"Selama inipun andaian mereka tak pernah baik, tetapi pelabur masih datang ke Malaysia sebab negara kita aman, ekonomi kita baik dan sedang melalui proses pengukuhan dan akan terus berkembang.

"Peluang bagi pelabur mencari keuntungan tetap ada dan ini yang menjadi tarikan kepada mereka. Pelabur tidak begitu mementingkan hal politik negara melainkan kalau ia membabitkan pergaduhan, rusuhan dan ketidakstabilan," katanya.

(END)